



KETUA PESURUHJAYA
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
CHIEF COMMISSIONER
MALAYSIA CIVIL DEFENCE FORCE
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

JALAN MAKTAB PERGURUAN ISLAM
SUNGAI MERAB
43000 KAJANG, SELANGOR

Tel : 03 – 8920 6337
Faks : 03 – 8920 6360
Web : www.civildefence.gov.my

Rujukan Kami : PA.BPA.100-1/4/6 (63)
Tarikh : 25 November 2020
9 Rabiul Akhir 1442H

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Pertahanan Awam Negeri
Semua Komandan Institusi Latihan Pertahanan Awam

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan/ Puan,

ARAHAN TETAP KETUA PESURUHJAYA BILANGAN 1 TAHUN 2020:

GARIS PANDUAN CETAKAN LOGO RASMI DAN NAMA RASMI ANKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA SERTA PENGGUNAAN CORAK DIGITAL PADA BAHAN-BAHAN CETAKAN ATAU CENDERAMATA ATAU APA-APA BARANG DAGANGAN

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Terdapat pelbagai bahan cetakan seperti kepala surat atau kad nama, atau barangan cenderamata atau apa-apa jua barang dagangan seperti t-shirt, topi, beg dan aksesori yang mengguna pakai logo rasmi atau nama rasmi atau corak digital Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Pengurusan Tertinggi APM amat memandang serius tentang penggunaan logo, nama dan corak digital ini di mana dikhuatiri ia akan disalahguna oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab yang bakal mencemarkan nama baik APM.
3. Sehubungan dengan itu, satu garis panduan yang dinamakan **Garis Panduan Cetakan Logo Rasmi dan Nama Rasmi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta Penggunaan Corak Digital Pada Bahan-Bahan Cetakan atau Cenderamata atau Apa-Apa Barang Dagangan** dikeluarkan dengan tujuan untuk mengawal mana-mana pihak bagi maksud tersebut.

4. Perkara ini adalah selaras dengan peruntukan di dalam Seksyen 4, Seksyen 5 dan Seksyen 7H Akta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia 1951 (Akta 221). Peraturan Pakaian Seragam Pertahanan Awam 1983 serta keputusan Pengurusan Tertinggi APM di dalam Mesyuarat Ketua Pesuruhjaya Bil.2/2020 yang telah bersidang pada 7 Julai 2020.

5. Arahan dan garis panduan ini terpakai kepada semua peringkat pejabat, pegawai, anggota dan pasukan dalam APM serta mana-mana pihak luar mulai tarikh ianya dikeluarkan. Mana-mana kelulusan yang telah diberikan sebelum garis panduan ini dikeluarkan adalah terbatal dan pemohon perlu mengemukakan permohonan yang baru berdasarkan garis panduan ini dengan serta merta. Pemakaian Arahan ini terhenti dengan sendirinya apabila semua Perintah atau Arahan yang dikeluarkan ditarik balik oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Sedia Pantas Berintegriti”

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized initial 'R' followed by a series of loops and a horizontal line extending to the right.

KPi. (PA) DATUK ROSLAN BIN WAHAB